

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN

DEWAN RAKYAT, MALAYSIA

**DARIPADA : Y.B. DATO' HAJI MAHFUZ BIN OMAR
(POKOK SENA)**

PERTANYAAN : LISAN

TARIKH : 09.06.2015

Y.B. DATO' HAJI MAHFUZ BIN OMAR [POKOK SENA] minta

MENTERI KEWANGAN menyatakan:-

a. berapakah jumlah projek yang dilaksanakan oleh Syarikat Pembinaan BLT Sdn. Bhd. dan jumlah kos projek-projek yang dilaksanakan serta beri pecahan-pecahan mengikut projek yang dilaksana dan jumlah keseluruhan; dan

b. nyatakan syarikat-syarikat yang berjaya memperoleh kontrak kerja daripada syarikat pembinaan BLT Sdn. Bhd. serta berapakah jumlah hutang syarikat hingga kini dan senaraikan institusi kewangan yang membiayai hutang tersebut.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Yang Berhormat, Pembinaan BLT Sdn Bhd (PBLT), ditubuhkan pada 28 Julai 2005 sebagai *Special Purpose Vehicle (SPV)*, milik penuh Menteri Kewangan Diperbadankan (MKD) bagi melaksanakan pembinaan kuarters dan kemudahan fasiliti bagi Polis Diraja Malaysia (PDRM) di seluruh Malaysia. PBLT telah dipertanggungjawabkan untuk menyelia dan melaksanakan pembinaan 74 buah projek PDRM di seluruh negara. Sehingga 30 April 2015, PBLT telah berjaya menyiapkan 72 buah projek yang telah pun diserahkan kepada pihak PDRM/Kementerian Dalam Negeri (KDN). Manakala baki dua projek lagi dijangka akan siap pada akhir bulan September 2015 ini.

Bagi tempoh 2008 hingga 2015, jumlah keseluruhan kos pembangunan bagi 74 buah projek yang dilaksanakan adalah sebanyak RM7.49 bilion. Dalam tempoh tersebut, antara jumlah kos projek terbesar yang

dilaksanakan adalah dalam tahun 2011 sebanyak RM2,389.65 juta, tahun 2012 sebanyak RM1,409.30 juta dan tahun 2013 sebanyak RM1,528.95.

Sepanjang tempoh pelaksanaan projek, sebanyak 83 buah syarikat telah berjaya memperoleh kontrak kerja yang ditawarkan oleh PBLT.

Sehingga kini, jumlah hutang syarikat yang ditanggung oleh PBLT dan Aman Sukuk Bhd (subsidiari milik penuh PBLT) adalah masing-masing berjumlah RM150 juta dan RM7.12 bilion. Ini menjadikan jumlah keseluruhan hutang adalah sebanyak RM7.27 bilion. Institusi-Institusi kewangan yang telah membiayai hutang tersebut adalah seperti berikut:

No	Institusi Kewangan	Hutang (RM)
1	Amisiamic Bank Bhd	115.9 juta
2	Maybank Islamic Bhd	34.1 juta
3	Sukuk (<i>Islamic Medium Term Notes</i>)	7,120 juta
JUMLAH		7,270 juta

Dimaklumkan bahawa, Aman Sukuk telah membayar balik pinjamannya yang berjumlah RM400 juta mengikut tarikh matang sukuk

berkeana. Sukuk yang lain akan dibayar mengikut tarikh matang seperti yang telah dijadualkan sehingga tahun 2028.